

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 PENGENALAN

Dewasa ini pembelajaran bahasa merupakan sesuatu yang amat penting, justeru pelbagai usaha dilakukan oleh kerajaan untuk mendorong pelajar supaya mempelajari pelbagai bahasa, supaya pelajar bukan hanya mahir dalam bahasa ibunda sahaja. Bagi memastikan pelajar mahir dan berjaya dalam menguasai sesuatu bahasa, para guru harus mengajar dan membantu pelajar-pelajar menggunakan strategi belajar yang berkesan. Guru-guru yang mempelbagai strategi pengajaran dapat membantu pelajar-pelajar menguasai pelbagai ilmu bahasa dengan cepat dan berkesan (Oxford & Crookall, 1989). Oleh itu, para guru seharusnya melatih pelajar mereka membina dan menggunakan strategi pembelajaran bahasa (SPB) yang sesuai dengan mereka. Ini kerana strategi pembelajaran bahasa yang berbeza turut mempengaruhi gaya pembelajaran bahasa mereka.

Perbezaan jenis bahasa dari segi linguistik dan ortografi juga didapati mempengaruhi penggunaan strategi dalam pembelajaran bahasa sasaran (Grabe, 1986; Douglas, 1992). Pelajar yang mempelajari bahasa kedua daripada bahasa Indo-Eropah dan membina SPB mereka berkemungkinan tidak mampu memindahkan strategi yang sama ketika mempelajari bahasa Jepun (Nakayama, 1995). Para pelajar memerlukan strategi yang berbeza untuk mencapai kejayaan. Keadaan ini berpunca daripada perbezaan yang terdapat antara kedua-dua bahasa. Keadaan ini juga berlaku kepada pelajar yang mempelajari bahasa sasaran yang berbeza daripada bahasa ibunda mereka dari segi

linguistik dan ortografi seperti bahasa Melayu dengan bahasa Arab mungkin memerlukan pelajar menggunakan strategi yang berlainan ketika mempelajari bahasa Melayu dan bahasa Arab.

1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN

Membaca merupakan mercu utama yang menjadi asas pembentukan diri ke arah mendapatkan ilmu pengetahuan. Setiap bahasa di dunia ini mempunyai pendekatan dan strategi yang tersendiri untuk menguasainya. Hal ini penting bagi memudahkan sesiapa sahaja yang mempelajari bahasa, seterusnya dapat menguasai bahasa tersebut dengan baik. Penguasaan bahasa melibatkan kemahiran bahasa dan ilmu bahasa itu sendiri. Kemahiran asas bahasa Arab sebagai bahasa kedua atau bahasa asing merangkumi empat elemen utama iaitu mendengar, bertutur, membaca dan menulis, di mana setiap satu daripadanya mempunyai kaitan yang amat rapat di antara satu dengan yang lain.

Bagi memastikan pemerolehan dan pembelajaran bahasa berlaku dengan jayanya para pelajar perlu mempunyai strategi yang berkesan, dan keempat-empat kemahiran berbahasa perlulah berlaku secara aktif, kerana faktor inilah yang mendorong pengkaji untuk mengkaji mengenai strategi kemahiran berbahasa, namun begitu dalam kajian ini pengkaji hanya memberi fokus kepada penggunaan strategi membaca teks bagi menguasai kemahiran membaca teks bahasa Arab sahaja. Hal ini sangat penting, seperti mana yang diketahui bahawa membaca teks dalam bahasa kedua atau bahasa asing memerlukan lebih banyak penumpuan, kerana pembacaan dalam bahasa asing bukanlah sesuatu yang mudah.

Walaupun banyak faktor yang mempengaruhi pencapaian pelajar dalam pemerolehan dan penguasaan bahasa kedua atau bahasa asing seperti latar belakang

keluarga, kemudahan pembelajaran, motivasi, bahasa ibunda, ortografi bahasa dan sebagainya. Namun faktor terpenting yang memainkan peranan dalam diri seseorang pelajar adalah faktor-faktor kognitif (Cuff, 1937; Maddox, 1963; Pond, 1964; Small, 1966; Willson, 1971; Abd. Hamid, 1977; Mohamad Taib, 1978; Azimah, 1984). Faktor-faktor kognitif termasuklah motivasi, ingatan, pemerolehan pengetahuan, penguasaan kemahiran, pembentukan sikap, dan jenis-jenis pemikiran.

1.3 PERNYATAAN MASALAH

Para pendidik Malaysia telah menyatakan bahawa pelajar dari luar bandar mahupun bandar kurang mahir dalam membaca, prestasi mereka dalam aspek akademik juga rendah, begitu juga keupayaan membaca dan kaitannya dengan pencapaian akademik (Paik, 2001). Kita hanya belajar membaca dengan membaca (Smith, 1982). Oleh itu, untuk meningkatkan pencapaian akademik pelajar secara keseluruhan terutama bahasa Arab sebagai bahasa kedua atau bahasa asing, kita perlu memahami strategi membaca yang digunakan oleh pelajar secara sedar atau tidak sedar apabila mereka membaca, terutama apabila membaca teks akademik.

Membaca merupakan satu topik yang sentiasa mendapat perhatian serius bukan hanya daripada masyarakat di negara ini malah di peringkat dunia. Sungguhpun demikian, prihatin terhadap pelbagai isu dan masalah yang diutarakan tentang kepentingan membaca, namun sehingga hari ini belum nampak sebarang penyelesaian berkesan dilakukan terhadapnya. Kenyataan ini adalah mengenai kepentingan membaca kepada masyarakat terutama golongan remaja, tidak kira sama ada bahan bacaan itu daripada bahasa ibunda, bahasa kedua, ataupun bahasa asing, asalkan bahan bacaan itu mempunyai nilai untuk

menyampaikan ilmu pengetahuan. Di atas dasar keperihatinan inilah pengkaji ingin mengkaji penggunaan strategi membaca dalam kalangan pelajar Melayu, namun begitu kajian yang dijalankan hanya tertumpu kepada strategi membaca teks bahasa Arab dalam kalangan pelajar Melayu sahaja kerana tajuk ini kurang diambil perhatian oleh mana-mana pengkaji sebelum ini. Seperti mana yang diketahui, membaca teks akademik ataupun teks ilmiah terutama dalam bahasa kedua ataupun bahasa asing tidak sama cabarannya dengan membaca teks dalam bahasa pertama, begitu juga dengan bahan bacaan ringan, ia memerlukan cabaran-cabaran intelektual yang berbeza, lebih-lebih lagi membaca teks dalam bahasa Arab sebagai bahasa kedua atau bahasa asing.

Begitu juga dengan kemahiran kesedaran metakognitif, pengkaji menyentuh sedikit mengenai metakognitif kerana ia juga adalah salah satu faktor kognitif dan kemahiran belajar yang sangat penting dalam pembelajaran dan pemerolehan bahasa, dimana ia berinteraksi secara langsung dalam diri seseorang pelajar. Kemahiran ini dapat membantu pelajar menjadi lebih berkemahiran tinggi, lebih berkeupayaan dan bertanggungjawab dalam pemahaman pembacaan, lebih-lebih lagi dalam pembacaan teks bahasa kedua atau bahasa asing.

Kajian mutakhir strategi pembelajaran bahasa (SPB) telah banyak dijalankan, begitu juga dengan strategi pembelajaran bahasa yang menekankan elemen kemahiran menulis, membaca, bertutur dan mendengar. Namun begitu menurut Kamarul Syukri dan Mohamed Amin (2010), kajian berhubung penggunaan SPB dalam konteks pembelajaran bahasa Arab sama ada di dalam atau di luar Malaysia adalah masih sedikit. Mohamed Amin, Juriah, Mohd. Isa (1998) telah menjalankan kajian awal bagi mengenal pasti jenis-jenis strategi pembelajaran yang digunakan oleh pelajar-pelajar sekolah menengah di Malaysia, dan yang terkini kajian mengenai SPB bahasa Arab dijalankan oleh Anida dan Nurazan (2003, 2004),

kajian ini juga mengenai SPB dalam kalangan pelajar Melayu, ia merangkumi semua kemahiran yang ada dalam sesuatu bahasa. kajian mengenai strategi membaca teks bahasa Arab masih kurang dijalankan dalam pendidikan bahasa Arab di Malaysia. Justeru, satu kajian yang khusus untuk mengkaji penggunaan strategi membaca teks bahasa Arab bagi menguasai kemahiran membaca teks bahasa Arab adalah perlu untuk meningkatkan mutu pemerolehan dan pembelajaran bahasa Arab di Malaysia.

Secara umumnya, kajian mengenai aspek-aspek metakognitif membaca telah menyatakan keperluan untuk meningkatkan pemahaman dengan kesedaran metakognitif strategi membaca bagi memastikan sesuatu strategi itu berkesan. Walau bagaimanapun, kebanyakan kajian yang dijalankan dalam konteks selain daripada pelajar-pelajar di peringkat rendah atau pengajian tinggi, berbagai penemuan telah ditemui. Cohen (1998), Chamot (2005), dan Zhang (2008) menegaskan bahawa konteks situasi pembelajaran mungkin mempunyai pengaruh yang kuat dalam pemilihan strategi pembelajaran bahasa. Oleh itu, kajian ini adalah untuk mengisi jurang dengan mengkaji penggunaan strategi membaca teks bahasa Arab dalam kalangan pelajar Melayu, teks bahasa Arab yang dimaksudkan dalam kajian ini adalah bahan berkaitan (buku-buku teks, nota-nota peperiksaan, dan artikel-artikel berkaitan dengan pembelajaran).

1.4 OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini penting bagi merealisasikan tiga objektif berikut:-

- 1) Menenal pasti strategi membaca teks bahasa Arab yang paling kerap dan paling kurang digunakan dalam kalangan pelajar Melayu.

- 2) Mengenal pasti perbezaan penggunaan strategi membaca teks antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan.
- 3) Mengenal pasti hubungan antara penggunaan strategi membaca teks bahasa Arab dengan pencapaian bahasa Arab pelajar.

1.5 PERSOALAN KAJIAN

Pengkaji telah mendapati bahawa terdapat beberapa persoalan kajian yang timbul dalam kajian ini, antaranya ialah:-

- 1) Apakah strategi membaca teks bahasa Arab yang paling kerap dan paling kurang digunakan dalam kalangan pelajar Melayu.
- 2) Adakah terdapat perbezaan antara penggunaan strategi membaca teks bahasa Arab antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan dalam kalangan pelajar Melayu.
- 3) Adakah terdapat korelasi antara pencapaian bahasa Arab pelajar dengan penggunaan strategi membaca teks bahasa Arab.

1.6 BATASAN KAJIAN

Kajian ini berkisar mengenai penggunaan strategi membaca untuk menguasai kemahiran membaca teks bahasa Arab dalam kalangan pelajar Melayu. Kajian ini hanya tertumpu di Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah Universiti Sains Islam Malaysia sahaja, dan ia melibatkan 50 orang pelajar tahun satu yang berbangsa Melayu daripada Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, pelajar yang berbangsa selain daripada Melayu dikecualikan, ini kerana pelajar Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) kebanyakannya adalah pelajar Melayu. Pengkaji juga akan hanya menumpukan perhatian kepada strategi membaca teks

seperti artikel, jurnal, nota-nota kuliah dan sebagainya. Aspek yang akan dikaji adalah mengenai strategi membaca, manakala strategi mendengar, menulis dan bertutur dikecualikan dalam kajian ini. Teks yang akan dikaji pula adalah teks bahasa Arab sebagai bahasa kedua atau bahasa asing, teks selain daripada teks bahasa Arab juga dikecualikan dalam kajian ini.

Strategi membaca yang akan dibincangkan hanya terbatas kepada 30 item yang merangkumi tiga kategori iaitu; Strategi Global (*Global Strategies*), Strategi Penyelesaian Masalah (*Problem-Solving Strategies*), Strategi Sokongan (*Support Strategies*), yang terdapat dalam Inventori Strategi Membaca (ISM) atau dalam bahasa Inggerisnya adalah *Survey Of Reading Strategies* (SORS) yang direka oleh Mokhtari dan Reichard (2002), diadaptasi daripada soal selidik "the Metacognitive Awareness of Reading Strategies Inventory (MARSI), Versi 12 (Mokhtari, 2002). Soal selidik ini telah diubah suai mengikut kesesuaian dalam strategi membaca teks bahasa Arab.

1.7 KEPENTINGAN KAJIAN

Strategi membaca adalah amat penting dalam bidang pembelajaran dan pemerolehan bahasa. Ini kerana strategi membaca dapat memberi gambaran yang jelas tentang elemen kognitif, metakognitif, sosial dan sebagainya yang terdapat pada diri seseorang pelajar ketika mempelajari sesuatu bahasa. Ia juga boleh diajarkan kepada pelajar yang kurang berjaya sehingga dapat membantu mereka mempertingkatkan pembelajaran dan pemerolehan bahasa dengan lebih cepat dan berkesan, sekali gus dapat memantapkan kompetensi berbahasa para pelajar. Bertitik tolak dengan faktor inilah pengkaji merasakan adalah sangat penting mengkaji strategi membaca teks bahasa Arab,

memandangkan strategi membaca teks berkait secara langsung dengan kesedaran metakognitif, tambahan pula ia merupakan faktor yang mempengaruhi gaya pembelajaran dan pemahaman pelajar terhadap bahan-bahan bacaan (teks akademik), seterusnya pencapaian dan pemerolehan bahasa seseorang pelajar.

Kajian ini juga amat penting kepada guru-guru dan pelajar-pelajar yang mempelajari bahasa, bukan hanya bahasa Arab, malah ia juga boleh diaplikasikan dalam bahasa-bahasa lain yang terdapat di dunia ini. Hasil dan dapatan daripada kajian ini juga dapat membantu penyelidik dan pendidik bahasa dalam menjalankan kajian mengenai strategi membaca, menulis, bertutur, dan mendengar dalam berbagai bahasa, sama ada secara kualitatif atau kuantitatif. Seterusnya hasil kajian ini juga mampu mengaspirasikan kesinambungan penyelidikan di Malaysia sama ada dalam konteks pendidikan bahasa Arab, bahasa Melayu, bahasa Inggeris, bahasa Mandarin, bahasa Tamil dan lain-lain.

Selain itu, kajian ini juga diharap dapat membantu pelajar bagi mengenal pasti strategi membaca mereka sehingga pemerolehan dan input terhadap bahasa Arab akan lebih berjaya, disamping memberikan sumbangan beberapa idea atau pengetahuan untuk pengajaran di dalam kelas, selain dapat memberi para guru kesempatan untuk gaya dan keperluan dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran membaca.

1.8 TINJAUAN KAJIAN BERKAITAN

Beberapa orang penyelidik telah menjalankan kajian membaca dalam pelbagai konteks mengenainya. Kajian yang dilaksanakan mengenai strategi membaca bahasa kedua atau bahasa asing telah banyak dilakukan, antaranya ialah Azhar Zailaini (1999) melakukan kajian mengenai hubungan antara strategi metakognitif membaca dengan pencapaian

akademik mata pelajaran sains sosial dalam kalangan pelajar sekolah menengah. Dapatan beliau menunjukkan bahawa kebanyakan pelajar sekolah menengah adalah rendah strategi membaca metakognitif mereka. Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara pencapaian dalam mata pelajaran sains sosial dengan strategi bacaan metakognitif, juga tidak terdapat hubungan yang signifikan antara lokasi sekolah (bandar dan luar bandar) dan status sosial ekonomi pelajar dengan penggunaan strategi bacaan metakognitif pelajar.

Zurina (2000) dalam kajiannya mengenai penggunaan strategi metakognitif oleh pembaca *English As A Second Language* (ESL) mahir dan pembaca kurang mahir. Dapatan kajian menunjukkan tidak ada perbezaan yang signifikan antara strategi pembaikan dan strategi keyakinan dalam kalangan pelajar berlainan gender bagi kedua-dua pembaca mahir dan kurang mahir.

Joginder (2000) pula menjalankan kajian yang hampir sama dalam bidang ini yang bertajuk "*Reading Comprehension Strategies of Form Four ESL students: A Case Study*". Kajian ini hanya menggunakan lapan orang responden iaitu; empat pelajar tinggi penguasaan bahasa Inggeris dan empat pelajar lemah penguasaan bahasa Inggeris, walaupun penggunaan sampel yang lebih besar akan lebih mewakili populasi. Dapatan kajian ini adalah konsisten dengan kajian mengenai strategi sebelumnya (Loranger, 1994), iaitu terdapat penggunaan keseluruhan strategi pembelajaran bahasa dalam kalangan pelajar yang lebih cemerlang.

Beberapa kajian yang dilakukan di luar negara telah dilakukan semula. Anderson (2003) telah mengubahsuai *Inventori Kesedaran Membaca Strategi Metakognif* bagi meneroka strategi bacaan dalam talian yang digunakan oleh pembaca bahasa kedua dan perbezaan antara strategi bacaan dalam talian yang digunakan oleh pembaca *English as a*

Second Language (ESL) dan *English as a Foreign Language (EFL)*. Dalam kajian ini beliau telah mengenal pasti 12 strategi bacaan atas dan 12 strategi bacaan bawah dalam talian yang digunakan oleh pembaca bahasa kedua.

Dalam kajian Loranger (1994), tiga pelajar cemerlang dan tiga pelajar lemah gred 11 telah dijadikan responden kajian. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pelajar yang berjaya mempunyai tujuan dalam bacaan mereka, mereka juga adalah pembaca aktif dan aktif dalam penggunaan strategi bagi meningkatkan pencapaian akademik. Walau bagaimanapun pelajar yang tidak berjaya berpuas hati dengan pencapaian akademik mereka, kurang pengetahuan dan tidak cekap dalam penggunaan strategi.

Manakala kajian mengenai penggunaan strategi membaca B2 mengikut jantina sebagai varian agak kurang dijalankan. Dapatan dalam kajian ini juga tidak konsisten. Antara kajian dijalankan adalah; Shoerey (1999) mendapati bahawa penggunaan strategi metakognitif pelajar perempuan lebih tinggi berbanding pelajar lelaki, penemuan ini menyokong dapatan kajian Oxford dan Nyikos (1988). Begitu juga dengan kajian Liew Swee Lian (2004) mendapati pelajar perempuan mempunyai purata penggunaan strategi lebih tinggi berbanding pelajar lelaki bagi semua kategori strategi membaca.

Dalam Phakiti (2002) mengenai penggunaan strategi membaca metakognitif dan kognitif antara gender. 380 orang pelajar Universiti Thailand digunakan sebagai responden kajian, kajian ini mendapati tidak terdapat perbezaan dalam penggunaan strategi kognitif, pelajar lelaki menggunakan strategi berkenaan lebih tinggi dan ketara berbanding pelajar perempuan, dalam kumpulan pencapaian yang sama. Ini menunjukkan kajian ini tidak konsisten dengan kajian sebelumnya.

Dalam Young (1997) pula mendapati terdapat perbezaan yang ketara dalam penggunaan keseluruhan strategi membaca antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan. Daripada apa yang dibincangkan dalam kajian-kajian yang lepas, ianya sangat berkait rapat dengan kajian ini.

1.9 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah berbentuk tinjauan. Dalam kaedah ini pengkaji menggunakan instrumen kajian yang berbentuk soal selidik, ujian kemahiran membaca, dan pemerhatian.

Data yang diperoleh dianalisis dengan menggunakan program *SPSS*. Metod yang digunakan dalam kajian ini adalah berbentuk kuantitatif. Oleh itu, pungutan data diambil daripada maklumat serta jawapan responden. Metod ini melibatkan tiga elemen penting; iaitu instrumen kajian, responden dan juga prosedur kajian.

Data dikumpul melalui soal selidik bahagian latar belakang responden dan daripada soal selidik (ISM) atau (*SORS*) digunakan untuk mengkaji penggunaan strategi membaca teks bahasa Arab dalam kalangan pelajar Melayu. Data-data daripada (ISM) atau (*SORS*) digunakan untuk mengenal pasti strategi membaca teks bahasa Arab yang digunakan oleh pelajar. Manakala kaedah pemerhatian pula digunakan hanya untuk menyokong data utama sahaja bagi melihat faktor-faktor lain yang menyumbang kepada pemilihan strategi berkenaan.

1.9.1 Instrumen Kajian

Pengumpulan data dilakukan secara soal selidik ISM dan ujian kemahiran membaca. Soal selidik ini dibahagikan kepada dua bahagian; iaitu:-

- 1) Bahagian A merupakan soalan demografi responden kajian, terdapat 16 soalan dalam bahagian ini.
- 2) Bahagian B pula mengandungi 30 item soalan yang terdiri daripada tiga kategori strategi membaca teks yang terdapat dalam ISM dan rujukan jawapan adalah berdasarkan skala likert (1-5).

Manakala ujian Kemahiran membaca pula digunakan untuk melihat pencapaian bahasa Arab pelajar, dan menguji tahap kemahiran membaca teks para pelajar. Soalan bagi ujian kemahiran membaca dibina berdasarkan Taksonomi Bloom.

1.9.2 Responden Kajian

Populasi sebenar kajian adalah 80 orang pelajar, walau bagaimanapun seramai 50 orang pelajar sahaja dipilih secara rawak sebagai responden kajian. Mereka merupakan pelajar-pelajar tahun satu Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), yang sedang mengikuti subjek bahasa Arab 1 (*Mahārat al-Istimā' wal Muḥādathah*) dan bahasa Arab 2 (*Mahārat al-Kitābah wal Qirāah*) pada semester 1 sesi 2011/2012.

1.9.3 Prosedur Kajian

Prosedur kajian melibatkan tiga peringkat; iaitu pra uji, pengumpulan data dan juga analisis data. Sebelum proses pengumpulan data yang sebenar dilakukan, pengkaji telah menjalankan kajian rintis bagi mengetahui aspek-aspek kelemahan yang terdapat pada instrumen kajian.

Sesi pengumpulan data melibatkan proses menjawab 46 soalan soal selidik serta ujian kemahiran Membaca dalam instrumen yang dibina. Ia melibatkan 80 orang pelajar tahun satu Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Pengumpulan data ini dijalankan pada 17 desember 2011, masa yang diperuntukkan adalah dua jam. Pelajar mengambil masa selama kurang daripada dua jam bagi menjawab kesemua soalan yang dikemukakan. Proses analisis data bermula setelah sesi pengumpulan data selesai. Data mentah yang dikutip dianalisis menggunakan sistem perisian (SPSS) *Statistical Packages for the Sosial Science Vol. 12*. Data statistik digunakan untuk mencari korelasi, min, sisihan piawai dan peratusan. Manakala data hasil daripada pemerhatian pula hanya akan diterangkan dalam perbincangan sahaja.

1.10 RANGKA KAJIAN

Kajian ini dibahagikan kepada 5 bab, iaitu;

- a) Bab 1 Pendahuluan
- b) Bab 2 Tinjauan Kajian Berkaitan
- c) Bab 3 Metodologi Kajian
- d) Bab 4 Analisis Data dan Perbincangan

BAB 1 : PENDAHULUAN

Pengkaji menyentuh sedikit tentang strategi pembelajaran bahasa (SPB) khususnya yang berkaitan dengan strategi membaca. Pengkaji juga membuat perbincangan mengenai permasalahan-permasalahan yang wujud sebagai penyebab utama pemilihan tajuk kajian. Dalam bab ini juga pengkaji menjelaskan aspek-aspek asas kajian seperti tajuk kajian, latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, kepentingan kajian, batasan kajian dan lain-lain.

BAB 2 : TINJAUAN KAJIAN BERKAITAN (STRATEGI MEMBACA TEKS BAHASA ARAB)

Bahagian ini menceritakan fakta dan sorotan kajian terdahulu dalam bidang yang berkaitan. Ini adalah untuk mengelakkan berlakunya pengulangan kajian yang sama. Dalam bab ini, pengkaji akan menyentuh mengenai teori-teori yang berkaitan dan meninjau kajian-kajian yang berkaitan seperti definisi, jenis-jenis pembacaan bahasa kedua atau bahasa asing dan sebagainya.

BAB 3 : METODOLOGI KAJIAN

Dalam bab ini, pengkaji akan menyentuh secara terperinci mengenai metodologi kajian. Pengkaji akan menerangkan kaedah dan prosedur kajian ini dijalankan. Ia merangkumi

kaedah pengumpulan data, instrumen yang digunakan untuk mengumpul data, persempelan dan sebagainya. Kaedah penganalisan data juga diterangkan dalam bab ini.

BAB 4 : ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN

Dalam bab ini data mentah yang telah dikutip dianalisis, setelah data dianalisis, penulis membuat interpretasi terhadap dapatan kajian dan membincangkannya berdasarkan soalan kajian dan objektif kajian.

BAB 5 : RUMUSAN DAN SARANAN

Hasil perbincangan dalam bab keempat, pengkaji membuat kesimpulan dan rumusan. Pengkaji mengemukakan pandangan dan saranan yang penting bagi meningkatkan dan menyumbang ke arah pengajaran dan pembelajaran serta pemerolehan bahasa yang lebih proaktif dan efektif kepada pelajar, sekali gus dapat meningkatkan mutu pengajaran dan pembelajaran bahasa di Malaysia. Seterusnya pengkaji menutup kajian ini.

1.11 PENUTUP

Kesimpulan daripada perbincangan bab ini ialah; menitik beratkan tiga objektif kajian yang dirangka. Batasan kajian hanya tertumpu kepada pelajar tahun satu Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah Universiti Sains Islam Malaysia. Kaedah kajian merupakan kaedah kuantitatif yang melibatkan dua instrumen utama kajian iaitu soal selidik *ISM/SORS* dan Ujian kemahiran membaca. Pungutan dan analisis data diambil daripada maklumat serta

jawapan responden kajian. Metodologi kajian yang digunakan pula melibatkan tiga elemen penting; iaitu instrumen kajian, responden, dan juga prosedur kajian.

BAB 2

STRATEGI MEMBACA TEKS BAHASA ARAB

2.1 Pengenalan

Kemahiran membaca merupakan salah satu daripada empat kemahiran bahasa yang amat penting selain daripada kemahiran menulis, bertutur dan mendengar. Ia merupakan kemahiran yang mesti dikuasai oleh pelajar bahasa bagi memastikan pembelajaran dan pemerolehan bahasa berjalan dengan lancar. Keupayaan membaca juga merupakan suatu aset pembelajaran yang efektif kerana memberi kuasa kepada seseorang pelajar untuk membuat keputusan yang tepat dalam meningkatkan proses pembelajaran dan pemerolehan bahasa.

Subtopik yang diketengahkan dalam bab ini adalah mengenai definisi serta pandangan sarjana linguistik tentang kemahiran membaca. Selain itu jenis-jenis bacaan, strategi membaca, dan teori-teori mengenai proses membaca. Dalam pada itu diselitkan juga kajian-kajian berkaitan di peringkat antarabangsa amnya dan Malaysia khususnya. Seterusnya diakhir bab ini diceritakan sedikit latar belakang bahasa Arab di Malaysia dan di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).

2.2 Definisi Membaca dalam Bahasa kedua dan Membaca Teks Akademik dalam bahasa kedua

Dalam kajian ini, membaca didefinisikan sebagai satu proses kognitif yang menekankan aspek pengecaman, membuat interpretasi dan persepsi terhadap bahan bercetak atau bertulis (Leslie, 2001). Manakala Goodman (1971) pula menyatakan bahawa membaca adalah proses psikolinguistik yang bermula daripada pembaca mengamati perkataan yang terdapat di dalam teks yang dibaca sehinggalah terbentuknya makna berdasarkan pengamatan yang dilakukan. Selain itu, tumpuan diberikan kepada membaca dalam bahasa kedua (B2) atau bahasa Asing (BA), iaitu bahasa Arab, oleh itu adalah penting untuk melihat dengan ringkas mengenai membaca dalam B2 berbanding dalam bahasa pertama (B1).

Strategi membaca adalah faktor utama dalam menentukan kejayaan seseorang pelajar dalam bidang akademik. Strategi memainkan peranan penting dalam pemahaman, kerana pembaca menggunakannya untuk membina perwakilan mental yang koheran dan menjelaskan situasi dalam teks (Graesser, 2007). Strategi kefahaman juga dianggap sebagai proses sengaja dan bermatlamat yang digunakan untuk membina makna daripada teks (Afflerbach, Pearson & Paris, 2008). Secara khusus, penggunaan strategi yang lebih maksimum seperti meramalkan kandungan teks yang akan datang, menjana dan menjawab soalan, membina penerangan dan penjelasan sendiri, mengenal pasti isi penting teks, dan menggalakkan pemahaman bacaan yang baik (McNamara, 2007; National Reading Panel, 2000; Presley & Haris, 2006). Lavine et al. (2000) menyatakan bahawa keupayaan untuk membaca teks akademik dianggap salah satu kemahiran yang paling penting. Pelajar bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua (ESL) dan bahasa Inggeris sebagai bahasa asing (EFL) perlu memilikinya. Ini jelas membuktikan bahawa strategi membaca teks akademik

sangat penting bagi pemerolehan dan pembelajaran bahasa kedua atau bahasa asing, termasuklah bahasa Arab yang menjadi aspek kajian pengkaji, begitu juga dengan bahasa-bahasa lain.

Penyelidikan berikutnya menganggap membaca dalam B2 sebagai proses sebahagian besarnya sama dengan bacaan dalam B1 tetapi tidak tertakluk kepada “beberapa kekangan tambahan mengenai membaca dan peningkatannya” (Grabe, 1999: 11). Walau bagaimanapun, Koda (2005, 2007) mengatakan bahawa pembaca B2 menggunakan pendekatan sistem dwi-bahasa. Bagi kebanyakan pembaca, hasil daripada dua proses ini mungkin memberi kelebihan kepada B2, pembaca B2 juga akan kerap menggunakan kelebihan ini untuk meningkatkan kemahiran membaca dan menambah perbendaharaan kata dalam bahasa kedua. Dalam hipotesis saling bergantung itu, Cummins (2000) mengatakan bahawa “pelajar yang memindahkan penguasaan akademik dalam semua bahasa mempunyai tahap literasi yang tinggi dalam bahasa pertama mereka, dan mereka juga akan lebih cenderung untuk meningkatkan tahap literasi dalam bahasa kedua mereka” (pp. 173). Bernhardt (2005) juga memberi pendapat yang agak sama: “persoalan itu bukanlah mengenai bahasa dan pemindahan kemahiran literasi. Persoalannya adalah berapa banyak pemindahan, dalam keadaan apa, dan konteks apa” (pp. 138). Bernhardt memperkenalkan model *compensatory* membaca B2 yang cuba mengupas kepentingan literasi B1, pengetahuan B2, dan ia merupakan “kepelbagaian yang tidak dapat dijelaskan”. Kategori terakhir terdiri daripada isi kandungan, strategi kefahaman, faedah dan motivasi bagi membaca dalam B2. Bernhardt percaya perkaitan ini, iaitu kelemahan dalam sesuatu perkara dapat ditampung oleh pengetahuan daripada yang lain (dalam Stanovich, 1980). Koda (2007) menambah, ia melihat kepada keadaan di mana pemindahan ini mungkin berlaku.

Beberapa isu lain dalam membaca B2 boleh disebut di sini, serta dalam penyelidikan lanjut, tetapi ia akan berada di luar skop kajian ini, di mana fokus kajian tertumpu kepada penggunaan strategi membaca untuk menguasai kemahiran membaca teks bahasa Arab dalam kalangan pelajar Melayu. Kajian ini memberi tumpuan kepada pelajar Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia. Ia sering diambil mudah bahawa pelajar di peringkat ini telah mempunyai kemahiran dan strategi yang diperlukan untuk membaca teks akademik dalam B1, dan mereka juga mampu untuk memindahkan kemahiran tersebut ketika membaca teks dalam B2 atau BA. Bagaimanapun, kemampuan untuk berbuat demikian bergantung kepada kemahiran mereka, juga dikenali sebagai tahap linguistik (*linguistic treshol level*). Ini bermakna, jika penguasaan B2 pembaca lemah, pemindahan kemahiran dan strategi ke dalam B2 akan terhalang walaupun pelajar berkenaan adalah pembaca yang baik dalam B1 (Alderson, 2000; Bernhardt & Kamil, 1995; Carrell, 1991; Laufer, 1997).

Walau bagaimanapun, disebabkan kapasiti pemprosesan terhad memori bekerja, ini akan mengurangkan kelajuan dan kefasihan membaca (Stanovich, 1980; Rayner & Pollatsek, 1989; Bernhardt, 2005). Kelemahan ini menunjukkan kepentingan perbendaharaan kata untuk membaca fasih dan mahir, ia merupakan penanda aras di mana seseorang mendapati perbezaan utama antara membaca dalam B1 dan membaca dalam B2 atau bahasa asing (BA). Grabe (1988) mengatakan bahawa “kekurangan perbendaharaan kata yang keterlaluan menghalang pembacaan cepat, tepat dan secara automatik diproses ... ini mungkin adalah satu-satunya faktor penghalang terbesar untuk membaca mahir oleh pelajar *ESL*” (pp. 63). Alderson (2000) pula berpendapat bahawa “Pengetahuan perbendaharaan kata pembaca mempunyai perkaitan yang erat dengan pemahaman

membaca, dan ia merupakan satu-satunya faktor penyebab seseorang membaca teks dengan baik” (pp. 35).

Walaupun pengetahuan perbendaharaan kata sangat penting untuk membaca mahir dalam konteks akademik, ia juga memerlukan kemampuan “untuk menggabungkan teks dan maklumat latar belakang yang sesuai dan berkesan” (Grabe & Stoller, 2002: 28). Ini melibatkan pengetahuan latar belakang, iaitu pengetahuan kandungan teks, bahasa dan jenis teks. Ia juga melibatkan proses kognitif yang lain. Perkara ini dapat memberi tumpuan kepada proses pemantauan dan strategi metakognitif membaca. Mengenai pengetahuan latar belakang, kajian telah menunjukkan bahawa pengaruh ini bukan sahaja apa yang pembaca masih ingat daripada teks, tetapi juga pemahaman pembaca mengenai kandungan teks (Alderson, 2000). Walau bagaimanapun, dalam kajian terhadap pelajar membaca akademik dalam bahasa Inggeris, Clapham (1996) mendapati bahawa “penguasaan bahasa mempunyai kesan yang lebih kukuh kepada pelajar cemerlang berbanding pengetahuan latar belakang. Namun demikian, kepentingan perbandingan pembolehkan seolah-olah bergantung kepada spesifikasi untuk ujian“ (pp. 197), dalam erti kata lain, beliau mendapati bahawa penguasaan bahasa yang lemah menghalang pelajar daripada menggunakan strategi atas ke bawah (*top down*) seperti pengetahuan untuk meneka makna frasa yang tidak diketahui, atau jika topik yang dibaca tidak diketahui oleh pembaca lemah, ia sukar untuk membina pemahaman daripada teks menggunakan strategi bawah ke atas (*bottom up*). Sebaliknya, pembaca mahir dalam kajian itu dapat mengimbangi kekurangan tertentu pengetahuan latar belakang dengan menggunakan sepenuhnya sumber-sumber bahasa mereka (Clapham, pp. 196).

Seterusnya, apabila berhadapan dengan percanggahan secara jelas dalam teks atau dalam pemahaman mereka tentang kandungan, pembaca mahir boleh menggunakan

pemantauan metakognitif. Ini menunjukkan keupayaan untuk memantau pemahaman seluruh teks dan penggunaan bahasa atau pengetahuan kandungan untuk memperbaiki kefahaman (Alderson, 2000: 43). Malah, ini adalah salah satu faktor utama yang membezakan pembaca yang mahir dengan pembaca yang lemah (Braten & Olausson, 1997; Alderson, 2000). Alderson mengatakan bahawa pembaca yang baik adalah lebih sensitif terhadap percanggahan dalam teks dan cenderung untuk menggunakan isyarat berasaskan makna untuk menilai sama ada mereka telah memahami apa yang mereka baca, sedangkan pembaca lemah cenderung untuk menggunakan perkataan-tahap isyarat, dan memberi tumpuan kepada *intrasentential* bukannya *intersentential* konsisten (pp. 41).

Tumpuan kepada perkataan-tahap isyarat dan hubungan *intrasentential* mungkin menjelaskan kecenderungan ramai pembaca lemah BA untuk memberi tumpuan dan akan dihalang oleh perbendaharaan kata yang tidak difahami. Pembaca mahir pula akan mengabaikan perkataan yang tidak dikenali untuk mengelakkannya daripada terlalu mengganggu proses pembacaan. Pembaca mahir juga akan membaca semula untuk menyusun dan mengeluarkan percanggahan dalam makna, meneka untuk menyelesaikan makna perkataan yang tidak diketahui, dan mengabaikan makna yang tidak jelas jika boleh. Perkara yang perlu diambil kira ketika membaca adalah seperti memerhati untuk mendapatkan isi utama atau fokus utama teks, dan mengimbas untuk mencari nama atau frasa tertentu. Contoh lain adalah melibatkan diri dalam membaca berhati-hati untuk memahami struktur sintaktik hukum atau fasal dalam sesebuah teks dan membaca berhati-hati di peringkat global untuk memahami idea-idea utama teks.

Sebagai kesimpulan, kemahiran membaca boleh digambarkan sebagai lebih daripada sekadar keupayaan untuk memecahkan kod kata-kata yang ditulis dalam teks; ia juga penciptaan makna yang aktif dalam proses interaktif antara maklumat dalam teks dan

pengetahuan pembaca. Untuk bacaan fasih dalam B2, ia bergantung kepada sejauh manakah penguasaan bahasa secara umum dan pengetahuan khususnya.

Strategi membaca adalah faktor utama dalam menentukan kejayaan seseorang pelajar dalam bidang akademik. Strategi memainkan peranan penting dalam pemahaman, kerana pembaca menggunakannya untuk membina perwakilan mental yang koheran dan menjelaskan situasi penghuraian dalam teks (Graesser, 2007). Strategi kefahaman juga dianggap sebagai proses sengaja dan bermatlamat yang digunakan untuk membina makna daripada teks (Afflerbach, Pearson & Paris, 2008). Secara khusus, penggunaan strategi yang lebih maksimum seperti meramalkan kandungan teks yang akan datang, menjana dan menjawab soalan, membina penerangan dan penjelasan sendiri, mengenal pasti isi penting teks, dan menggalakkan pemahaman bacaan yang baik (Reading National Panel, 2000; Presley & Haris, 2006; McNamara, 2007). Lavine et al. (2000) menyatakan bahawa keupayaan untuk membaca teks akademik dianggap salah satu kemahiran yang paling penting. Pelajar bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua (*ESL*) dan bahasa Enggeris sebagai bahasa asing (*EFL*) perlu memiliki kemahiran ini. Ini jelas membuktikan bahawa strategi membaca teks akademik sangat penting bagi pemerolehan dan pembelajaran bahasa kedua atau bahasa asing, dan ia bukan hanya terhad kepada bahasa Inggeris sahaja.

2.2.1 Definisi Strategi Membaca

Sepanjang dua dekad yang lalu, kebanyakan penyelidikan membaca dalam bahasa pertama (B1), bahasa kedua (B2), dan bahasa Asing (BA) telah memberi tumpuan kepada strategi yang digunakan oleh pembaca dalam memproses input bertulis. Perkara yang tidak kurang pentingnya dalam kajian ini ialah mengenai kemahiran membaca dan penggunaan strategi.

Strategi boleh digambarkan sebagai satu set kebolehan yang berada di bawah kawalan sedar pembaca, manakala penggunaan kemahiran adalah automatik, bergantung kepada kemahiran pembaca, sama ada keputusan akan dibuat secara sedar, ataupun secara automatik (Urquhart & Weir, 1998). Menurut Cohen (1990), strategi membaca adalah “proses-proses mental yang dipilih oleh pembaca untuk digunakan dalam mencapai tugas membaca” (pp. 83). Garner (1987) melihatnya sebagai suatu tindakan, atau satu siri tindakan yang digunakan oleh pembaca untuk membina makna dalam proses membaca (dalam Hudson, 2007). Oleh itu, penggunaan strategi membaca menunjukkan bagaimana pembaca memikirkan tugas, dan apa yang mereka lakukan untuk membina makna dari teks, seterusnya apa yang mereka lakukan apabila menghadapi teks yang teruk (Block, 1986, 1992; Macaro & Zhang, 2001; Macaro & Erler, 2008).

Setakat ini, penyelidik bidang membaca B1 dan B2 telah memaparkan pelbagai strategi membaca yang digunakan oleh pembaca. Strategi yang dikenal pasti yang lebih tradisional seperti strategi memerhati, pengimbasan, dan membuat kesimpulan kepada yang lebih terkini seperti mengaktifkan skemata, mengenal pasti struktur teks, menggunakan imej mental, menggambarkan, menjana soalan, pemantauan kefahaman strategi, menilai penggunaan strategi, dan lain-lain (Carrell, 1989; Cohen, 1990; Alderson, 1991; Pressley, 2002; Zhang et al, 2008).

Walau bagaimanapun, penyelidik seperti Cohen (2003, 2007), Grabe (2004), Hadwin, Winne, Stockley, Nesbit, dan Woszczyzna (2001), Paris (2002), dan Zhang (2003) menunjukkan bahawa strategi mereka tidak semestinya baik atau tidak, tetapi mereka mempunyai potensi untuk digunakan secara berkesan atau tidak berkesan dalam pelbagai konteks. Pembaca menggunakan strategi membaca bergantung kepada kesedaran metakognitif mereka tentang strategi dan bagaimana strategi itu dapat dimaksimumkan

untuk kesan yang optimum dalam menyelesaikan masalah kefahaman mereka (Carrell, 1998; Carrel et al, 1998; Wenden, 1998; White, 1999; Cohen, 2007; Hudson, 2007; Zhang, 2008).

2.3 Model Teori Membaca

Pelbagai model membaca dan implikasi model digunakan dalam kajian membaca. Teori pembelajaran Vygotsky khususnya telah dikaji semula berhubung dengan aspek membaca. Ia dikaji untuk digunakan dalam aspek proses membaca psikolinguistik dalam pemahaman membaca dan faktor-faktor yang mempengaruhi penggunaan strategi. Aspek teori yang menyokong struktur dan pendekatan dalam program membaca telah dikaji semula. Begitu juga kajian yang sama dalam penggunaan strategi membaca dan penemuan mereka juga turut dikaji semula.

2.3.1 Teori Pembelajaran Dan Membaca Vygotsky

Teori pembelajaran Vygotsky (1978) bukan hanya signifikan dalam bidang pembelajaran sahaja tetapi juga signifikan dalam bidang membaca. Teori Vygotsky adalah perkembangan idea biologi dan budaya yang berlaku secara serentak (Driscoll, 1994). Vygotsky juga percaya bahawa perkembangan pembelajaran bergantung kepada interaksi sosial yang membawa perkembangan kognitif. Fenomena perkembangan ini dipanggil “zon perkembangan proksimal” di mana seseorang pelajar akan mampu melakukan tugas yang lebih baik dan berwibawa sekiranya mendapat bantuan daripada guru dan rakan sebaya. Dengan kata lain, idea “zon perkembangan proksimal dan pembangunan” menyarankan

bahawa tahap pembangunan dan perkembangan ini boleh dicapai dengan interaksi yang baik antara pelajar dan guru. Menurut Cole (1962), zon perkembangan proksimal adalah jurang antara apa yang seseorang pelajar mampu untuk melaksanakannya di bawah bimbingan guru atau kerjasama dengan rakan sebaya.

Vygotsky mencadangkan bahawa dengan bimbingan tertentu seperti bantuan dan sokongan guru-guru dapat membantu pelajar meningkatkan prestasi pembelajaran. Selaras dengan pandangan ini, pembaca lemah akan mempunyai potensi untuk menjadi pembaca yang baik dengan syarat sokongan dan galakan sentiasa diberikan.

2.3.2 Teori Reader-Response

Teori *Reader-Response* pertama kali diperkenalkan oleh Louise Rosenblatt pada tahun 1938. Ia juga masih kekal sebagai pendekatan dominan dalam pengajaran kemahiran membaca kepada pelajar di semua peringkat.

Menurut Spiegel (1998), terdapat empat andaian dalam Teori *Reader-Response*. Antara andaiannya ialah:-

- Sudut pandangan adalah penting
- Pembaca mewujudkan makna
- Makna itu bergantung kepada pembaca tetapi ia berpandukan teks
- Pembaca mempunyai banyak interpretasi terhadap teks

Rosenblatt (1976) membuat perbezaan antara kedua-dua jenis interaksi teks. *Efferent* dan *esthetic*. Dalam jenis *efferent*, pembaca didorong oleh keperluan untuk memperoleh maklumat. Manakala dalam *esthetic*, pembaca memberi respon berdasarkan pengalaman

peribadi. Dalam hal ini, beliau menyatakan bahawa setiap pembaca mesti dilihat sebagai seorang individu, dan bukannya pembaca.

2.3.3 Teori Skemata

Teori skema adalah merupakan pengetahuan latar belakang mengenai sesuatu perkara. Teori ini dipengaruhi oleh Goodman (1967) yang menyatakan bahawa membaca merupakan permainan meneka psikolinguistik. Coady (1979) pula menyatakan bahawa pengetahuan latar belakang pembaca berinteraksi dengan kebolehan konseptual dan strategi proses untuk menghasilkan kefahaman dalam aktiviti membaca. Kemahiran membaca adalah ditentukan oleh interaksi berkesan antara ilmu bahasa dan ilmu dunia (Clarke & Silberstein).



Rajah 2.1: Model Pembaca ESL (Coady, 1970)

Teori skema dapat dikenal pasti dari segi pengetahuan latar belakang yang berasaskan pengetahuan yang diperoleh sebelum pembaca mendapatkan makna dari teks. Pengetahuan tersebut terdiri daripada pengetahuan struktur atau pengetahuan dunia (Carrel

& Eisterhold, 1988: 76). Smit (1994: 14) mendefinisikan skema atau skemata sebagai representasi pola yang lebih umum yang berlaku dalam pengalaman dan kehidupan kita. Sebelum pengetahuan dilihat sebagai menyediakan rangka kerja yang membantu pembaca mengasimilasikan maklumat baru (MacKinnon & Waller, 1981: 79). Sebagai contoh, pengetahuan sebelum menyediakan garis panduan untuk mengiktiraf apa yang penting tentang topik tertentu dan membolehkan penjelasan inferen yang sesuai dibuat mengenai teks tersebut.

Terdapat dua isu penting proses pemahaman keseluruhan (Perfetti, 1985: 72). Rosli Talif dan Ting (2001: 61) menjelaskan bahawa makna teks dibentuk oleh setiap pembaca untuk membawa pengalaman dan makna teks yang akan sentiasa melekat pada pembaca dan pembaca bukannya menjadi penerima pasif makna yang terkandung dalam teks oleh penulis. Skema yang berbeza akan menghasilkan keupayaan kefahaman yang berbeza. Titik kefahaman ialah pengetahuan (atau skema) pendekatan berasaskan kepada keupayaan mesti menunjukkan bahawa dua individu akan menunjukkan kefahaman yang berlainan akibat daripada perbezaan dalam pengetahuan (Parfetti, 1985: 73).

Anderson, Reynolds, Schallert dan Goetz (1976: 19) menyatakan bahawa kekurangan pengetahuan mengenai kandungan tertentu boleh menjadi punca masalah dalam pemahaman; khususnya, “ia dianggarkan bahawa banyak masalah dalam membaca pemahaman yang boleh dikesan terhadap masalah kelemahan dalam pengetahuan bukannya kelemahan dalam kemahiran linguistik”.

2.3.3.1 Pengelasan Skemata

Walaupun terdapat pelbagai istilah untuk ‘pengetahuan sebelum’ skema iaitu ‘pengetahuan latar belakang’, ‘pengalaman’, ‘ilmu dunia’, atau ‘maklumat bukan visual’, semua terma ini adalah memberi maksud dan perkara yang sama. Skemata boleh dikelaskan kepada dua kategori; skemata formal dan kandungan skemata (Carrel & Eisterhold, 1988: 7).

Skemata formal adalah pengetahuan latar belakang yang formal, struktur organisasi retorik pelbagai jenis teks seperti perbezaan dalam genre, cerita-cerita mudah, teks saintifik, puisi dan lain-lain. Skema kandungan pengetahuan latar belakang kawasan kandungan teks seperti skema untuk cerita-cerita mudah seperti tetapan, permulaan, perkembangan dan pengakhiran. Selain itu, terdapat satu lagi jenis yang skema, skema bahasa yang membantu pembaca mengenal pasti perkataan yang tidak diketahui dari gabungan kata-kata mereka (Siti, 1995).

2.3.4 Teori Bottom-up, Top-down, Interactive Reading

Sarjana barat beranggapan bahawa kemahiran membaca bukanlah kemahiran yang mudah untuk dikuasai oleh seseorang, seperti menguasai ilmu pengetahuan dan memahami apa yang dibaca. Ia memerlukan strategi yang mantap bagi melancarkan proses membaca, lebih-lebih lagi dalam membaca teks akademik. Lantaran itu mereka telah menetapkan tiga teori membaca iaitu; *bottom up*, *top down* dan *interactive reading*.

2.3.4.1 Bottom-up reading

Teori *Bottom-up* ini dipelopori oleh Jose pada tahun 1972 (Urquhar, S. & Weir, Cyril, 1998). Ia merupakan teori yang paling lama digunakan di Barat dalam pembacaan. Teori ini meliputi mekanisme yang berlaku dalam pemikiran pembaca ketika membaca. Ianya bermula apabila pembaca membaca huruf-huruf yang tertulis dan menggabungkannya kepada bentuk fonem yang tersusun. Seterusnya diberikan makna bagi perkataan yang terbentuk tanpa melihat kepada sudut nahunya dan pembaca akhirnya akan cuba menyebutnya dengan sebutan yang betul sambil cuba memahami makna konteks ayat (Habibullah, 1992; Urquhart, S & Weir, Cyril, 1998). Dalam erti kata yang lain pembaca berhubung terus dengan teks yang dibaca tanpa ada unsur yang membantunya memahami sesuatu teks.

Teori ini menganggap pembaca melihat teks daripada unit yang terkecil iaitu huruf, perkataan, frasa dan memahami ayat. Pembaca akan menggerakkan mata dari kiri ke kanan untuk melihat semua huruf, mengorganisasikan huruf kepada perkataan, perkataan kepada frasa, klausa dan ayat. Oleh itu, pembaca akan memproses kesemua huruf di dalam perkataan dan seterusnya ayat sebelum makna perkataan tersebut diperoleh melalui proses membaca yang bersifat linear. Teori ini sangat berguna dalam usaha menghuraikan tabiat membaca bagi kebanyakan individu yang mempunyai bahasa pertama dan bahasa kedua yang lemah. Golongan pembaca tersebut lebih menfokuskan tahap perkataan bagi teks daripada makna secara global.

Di samping itu, teori ini merujuk kepada proses membaca yang dianggap sebagai proses yang bersiri. Analisis visual huruf demi huruf, membawa kepada mengenal pasti secara positif setiap perkataan melalui pengekodan fonemik. Fonemik yang wujud di

dalam teks tersebut dapat membantu pembaca melakukan analisis dan seterusnya dapat membantu pembaca memahami keseluruhan teks. Walaupun proses ini sesuai untuk proses membaca peringkat asas, wujud juga masalah untuk pembaca memahami teks akibat berhadapan dengan perkataan yang sukar diterjemahkan maknanya.

Sehubungan itu, dalam pembelajaran bahasa, peraturan leksikal, sintaksis dan semantik diaplikasikan berdasarkan penghasilan fonemik yang telah dinyatakan dalam bentuk cetakan. Ini disebabkan tujuan utama membaca adalah menguasai kod atau prinsip abjad. Melalui bacaan, makna teks diharapkan hadir semula jadi berasaskan kepada pengetahuan lalu pembaca tentang perkataan, makna dan pola sintaksis bahasa tersebut. Teori ini juga menganggap menulis hanya akan mengekodkan pertuturan. Oleh itu, teks bertulis diorganisasikan secara berhierarki (grafonik, fonemik, suku kata, morfem, kata dan ayat). Ini melibatkan pembaca memproses unit linguistik yang terkecil dahulu dan beransur-ansur menyusun unit terkecil untuk memahami unit yang lebih besar atau binaan (Yahya Othman, 2008).

2.3.4.2 Top-down reading

Teori *Top-down* ini telah diperkenalkan oleh Goodman dan Smith di akhir 60-an dan awal 70-an. Teori ini bertindak sebaliknya dari teori *Bottom-up*. Prosesnya bermula dari pemikiran pembaca atau maklumat telah sedia ada pada diri pembaca. Dari maklumat-maklumat yang dimiliki seperti perbendaharaan, makna dan pengetahuan, pembaca akan cuba membuat ramalan serta andaian berdasarkan teks yang dibaca dan memahaminya (Habibullah, 1992; Sulaiman, 2003).

Sehubungan itu, teori ini menekankan pembentukan hipotesis dan pembinaan makna. Menurut Goodman, proses membaca adalah permainan meneka psikolinguistik (*psycholinguistic guessing game*) dengan pembaca terlibat dalam membentuk hipotesis semula jika perlu atau mengesahkan hipotesis dan membuat sampel semula. Hipotesis boleh diuji dengan dua cara. Cara pertama, membandingkan klu dengan pengetahuan yang dimiliki oleh pembaca berdasarkan topik, dan cara kedua, menghubungkannya dengan maklumat lalu yang telah diproses daripada teks. Jika hipotesis diterima, pembaca akan meneruskan bacaannya. Jika tidak, pembaca perlu menghipotesis semula dan menggunakan strategi membaca yang dianggap sesuai (Goodman, 1967).

Dalam pada itu, pembaca juga secara tekal membuat pengesahan terhadap setiap hipotesis yang dibuat. Jika hipotesis yang dibina itu tidak dapat disahkan, mereka akan membetulkannya sesuai dengan pengetahuan sedia ada pembaca. Pembaca yang efisien juga akan memenuhi kekosongan yang terdapat dalam maklumat yang tidak wujud semasa hipotesis tersebut dibuat. Dari mula membaca hingga tamat, semua strategi yang digunakan seperti pemilihan sampel, hipotesis, mengesahkan atau tidak mengesahkan hipotesis, pembetulan dan membuat kesimpulan digunakan oleh pembaca secara konsisten. Oleh itu, ketika membincangkan proses membaca teks, pembaca akan menggunakan strategi bagi memahami serta membuat hipotesis untuk menjangka maklumat atau idea yang telah disampaikan oleh penulis.

Peranan utama pembaca adalah mengawal keseluruhan maklumat visual dan bukan visual semasa membaca. Maklumat visual merujuk kepada pemahaman bahasa yang berkaitan dengan pengetahuan kandungan dan kebolehan membaca secara umum. Oleh yang demikian, apabila membaca teks, maksud dan jangkakan pembaca dapat membantu menghuraikan anggapan maklumat yang akan dibaca sama ada dalam bentuk visual atau

bukan visual. Sementara kedua-dua jenis maklumat tersebut boleh saling bertukar ganti antara satu dengan yang lain. Pembaca yang mempunyai pengetahuan yang lalu akan kurang bergantung pada teks. Dengan membawa lebih banyak pengetahuan lalu ke dalam proses membaca, pembaca akan memperoleh jawapan kepada soalan dan jangkaan berkaitan teks. Jika soalan dan jangkaan dapat dijawab dengan memuaskan, pembaca dikatakan telah memahami teks.

Teori membaca ini juga menegaskan bahawa semasa membaca, pembaca membawa bersama-sama sejumlah pengetahuan, jangkaan, andaian dan persoalan terhadap teks yang dibaca mengesahkan jangkaan yang dibaca serta memberikan asas terhadap pemahaman perbendaharaan kata. Pembaca akan terus membaca selagi teks yang dibaca mengesahkan jangkaan yang dibuat sebelum membaca. Ia juga menyatakan bahawa pembaca memadankan teks ke dalam pengetahuan yang dimiliki dan kemudian memeriksa kembali apabila maklumat baharu atau yang tidak dijangka tidak ditemui.

Dalam hal ini, memahami teks dikaitkan dengan pembaca membina makna sebaik yang mungkin daripada mesej yang dikodkan oleh penulis melalui grafik yang dipaparkan. Ketika mengaitkan membaca dengan proses psikolinguistik, Rigg (1986) menyatakan proses membaca bukan sekadar menukarkan huruf kepada bunyi dan menuturkan semula perkataan, tetapi melibatkan proses komunikasi secara tidak langsung antara penulis dengan pembaca. Oleh itu, komunikasi yang diwujudkan merupakan aktiviti membina makna berdasarkan teks yang dibaca.

Goodman (1967) menghuraikan makna dibina melalui pemindahan maklumat antara pembaca dengan teks melalui interaksi skemata pembaca dan teks. Teori ini menegaskan bahawa makna tidak terdapat dalam teks. Oleh sebab makna wujud dalam diri penulis dan

pembaca, dengan itu teks mempunyai potensi untuk membentuk makna. Walaupun makna terbina melalui pemindahan maklumat antara pembaca dan teks, makna yang dihasilkan bergantung pada ciri-ciri pembaca dan teks. Dalam hal ini, Goodman menegaskan semasa proses transaksi antara pembaca dengan kandungan teks dan penulis teks, sistem kiu bahasa dan strategi pengisian maklumat perlu diaktifkan. Sistem kiu dalam membaca meliputi sistem grafonik, sintaksis dan semantik. Grafonik adalah sistem bahasa penulisan yang berkaitan dengan sistem tulisan dan bunyi. Manakala sistem sintaksis pula merangkumi tatabahasa bahasa tersebut dan sistem semantik merujuk kepada makna bahasa yang terkandung dalam sistem pragmatik bahasa tersebut.

Pembaca yang efisien tidak memberi perhatian terhadap huruf dan perkataan yang terkandung dalam teks. Sebaliknya, mereka menggabungkan contoh-contoh idea atau isi yang terkandung daripada teks dan membuat ramalan terhadap maklumat yang akan diperolehi. Walau bagaimanapun, dalam konteks proses membaca, teori ini juga mempunyai kelemahan dan batasannya. Sebagai contoh, penekanan kepada satu teori dalam satu ramalan semasa membaca boleh mengelirukan pembaca. Kajian menunjukkan bahawa, pembaca yang baik mendapat maklumat visual dengan tepat dan cepat sementara pembaca yang lemah membaca dengan menggunakan strategi membaca yang sesuai (Devine, 1993). Sementara itu, pembaca yang hanya bergantung pada jangkauan pengetahuan lalunya mungkin akan membina makna yang mempunyai hubungan yang minimum dengan makna yang disarankan oleh penulis. Keadaan ini akan mempengaruhi pemahaman teks yang dibaca (Campbell & Malicky, 2002).

Teori ini juga, menghuraikan beberapa perkara penting sebagai panduan semasa membaca. Antaranya ialah pembaca membawa makna ke dalam teks yang dibaca. Pembaca juga membaca berpandukan makna yang terdapat di dalam teks. Dalam pada itu,

makna teks wujud daripada aspek keseluruhan teks kepada bahagian-bahagian yang lebih kecil seperti mengetahui maksud ayat tersebut.

Oleh itu, matlamat membaca berdasarkan teori ini mementingkan pembinaan makna untuk menghasilkan tindak balas daripada teks (Abraham, 2000). Pembaca perlu membaca secara interaktif menggunakan unsur grafonik, sintaksis, dan isyarat semantik bagi tujuan membina makna. Pembaca menggunakan hasil cetakan teks sebagai input semasa berinteraksi dengan teks.

Kesimpulannya, semasa membaca teks, pembaca sering mengaplikasikan proses membaca menggunakan teori *Top-Down Reading* atau membaca atas ke bawah terutama mereka yang efisien, ini diperkuatkan lagi apabila pembaca tersebut memiliki sejumlah pengetahuan yang berkaitan dengan teks yang dibaca (Yahya Othman, 2008).

2.3.4.3 Interactive reading

Teori ini dipelopori oleh Rumelhart (1976). Beliau berpandangan, pembaca bukan hanya menggunakan teori *Bottom up reading* dan *Top-down reading* secara berasingan semasa membaca, bahkan pembaca akan menggunakan keduanya dalam masa yang sama (Urquhart, S. & Weir, Cyril, 1998; Sulaiman, 2003). Dalam pada itu Rumelhart telah menyelitkan empat pengetahuan asas semasa proses pembacaan jenis ini, iaitu; tatabahasa, semantik, leksikal dan penulisan (Urquhart, S. & Weir, Cyril, 1998; Samuels, S. J. & Kamil, M. L, 2000).

Menurut Rumelhart (1976), membaca adalah proses bercirikan persepsi dan kognitif yang dimulakan dengan pergerakan pola-pola di atas retina mata dan diakhiri dengan idea

yang ditentukan oleh penulis. Dalam hal ini, semua sumber pengetahuan sama ada sensor atau bukan sensor akan bergabung dalam proses membaca, dan ia adalah hasil daripada penggabungan semua sumber pengetahuan tersebut.

Teori ini juga mengandaikan membaca sebagai proses yang aktif bagi membentuk makna melalui interaksi antara pembaca dengan teks. Berbeza dengan teori membaca atas bawah (*top-down*) dan teori bawah ke atas (*Bottom-up*), teori interaktif melihat proses membaca sebagai pola lingkaran dengan maklumat tekstual dan aktiviti mental pembaca wujud pada kedua-dua teori ini secara serentak. Proses interaktif berfungsi apabila proses yang berlangsung mengalami masalah dan ini boleh digantikan dengan jenis proses yang satu lagi. Ini bermakna pembaca tidak hanya bergantung pada sesuatu proses membaca. Keadaan ini perlu agar tidak wujud masalah dalam memahami teks yang dibaca.

Tahap pemahaman teks dikaitkan dengan sejauhmana pembolehubah pembaca (tahap minat terhadap teks, tujuan membaca teks, pengetahuan tentang topik, penguasaan bahasa, kesedaran proses membaca, tahap kesanggupan menerima risiko dan sebagainya) saling berkaitan dengan pembolehubah teks (jenis teks, struktur, sintaksis, perbendaharaan kata dan sebagainya). Oleh itu, untuk membina makna, proses membaca berfungsi bersama-sama dengan tahap teks yang berbeza-beza.

Keberkesanan penggunaan teori ini bergantung pada latar belakang pembaca, tahap kefasihan membaca, motivasi, strategi yang digunakan dan kepercayaan budaya yang dianuti. Teori ini juga mencadangkan agar pembaca membina makna berdasarkan kuasa memilih maklumat daripada semua sumber yang bermakna (Grafem, fonemik, morfem, sintaksis dan semantik). Pembaca pada masa yang sama menggunakan dan melalui semua peringkat proses membaca.

Selain itu, Rumelhart (1980) pula menegaskan bahawa pembaca yang mahir boleh menggunakan pancaindera, sintaksis, semantik dan maklumat pragmatik untuk menyempurnakan matlamat membaca mereka. Sumber maklumat yang pelbagai wujud bagi tujuan berinteraksi dalam pelbagai cara yang kompleks semasa proses membaca.

Selain teori-teori membaca yang diuraikan di atas, terdapat juga teori-teori membaca yang dapat dijadikan rujukan dalam usaha untuk menginterpretasikan proses membaca (Yahya Othman, 2008).

2.3.5 Model Pendekatan Membaca Anderson

Anderson (1999) telah mengembangkan model teoritikal dan pedagogi prinsip membaca ACTIVE. Terdapat enam elemen penting dalam pendekatan ini;

- Mengaktifkan pengetahuan terdahulu
- Menambah kosa kata
- Mengajar untuk pemahaman
- Meningkatkan kadar bacaan
- Mengenal pasti strategi membaca
- Menilai perkembangan strategi membaca

Rangka teori Anderson menggunakan teori skema sebagaimana yang dapat dilihat dalam penggunaan visual, siri soalan-soalan yang memaksa pelajar untuk berfikir tentang topik dan soalan kefahaman yang digunakan. Dalam pendekatan ini, membaca adalah proses yang aktif tetapi bukan hanya aktif sahaja bahkan membina pengetahuan latar belakang pembaca. Teknik yang diperkenalkan Anderson ini sangat berkesan dalam membantu

pembaca membantu penggunaan strategi bacaan. Senarai semak strategi membaca yang digunakan dengan kerap ini membantu pelajar menggunakan strategi yang berkesan.

Selain daripada enam elemen yang disebut, model bacaan Anderson juga menganggap peranan motivasi dan pemilihan strategi yang sesuai juga dapat membantu pelajar.

2.4 Jenis-jenis Bacaan

Terdapat dua jenis bacaan yang biasa digunapakai oleh pembaca secara amnya (Hasan Shahaṭah, 1992). Menurut beliau jenis bacaan yang pertama adalah bacaan secara nyaring (قِرَاءَةٌ جَهْرِيَّةٌ) *Qirāah Jahriyyah* dan jenis bacaan yang kedua ialah bacaan secara senyap (قِرَاءَةٌ صَامِتَةٌ) *Qirāah Ṣāmitah*.

2.4.1 Bacaan nyaring (قِرَاءَةٌ جَهْرِيَّةٌ) Qirāah Jahriyyah

Bacaan secara nyaring merupakan kemahiran bacaan yang pertama sekali dipelajari oleh manusia pada peringkat mempelajari bahasa (Abdullah, 2007). Pada peringkat bacaan ini, pembaca perlu memperlengkapkan diri dengan pengetahuan mengenali bentuk-bentuk simbol penulisan, mengetahui makna-makna perkataan serta tahu menyebutnya dengan betul secara nyaring. Semasa membaca secara nyaring pembaca perlulah berhati-hati dari sudut sebutan huruf serta dapat menyesuaikan diri dengan intonasi serta gaya bahasa sesuatu ayat. Jenis bacaan ini juga dikatakan lebih sukar daripada jenis bacaan senyap.

Dalam pembelajaran bahasa Arab, bacaan secara nyaring ini merupakan sebaik-baik cara untuk pelajar-pelajar memperbaiki sebutan dan mempamerkan gaya persembahan yang baik mengikut kesesuaian makna. Penekanan seperti ini bersesuaian dengan tahap rendah peringkat pembelajaran. Namun demikian ianya tidak kurang pentingnya pada tahap tinggi peringkat pembelajaran yang memerlukan apresiasi diri serta ketajaman minda apabila menyebut dan mendeklamasikan puisi di samping mengetahui keindahan rima-rima puisi Arab yang puitis (Jaudat Rikābiy, 1973: 88).

Dalam pada itu, jenis bacaan ini memerlukan masa yang agak panjang dari sudut pelaksanaannya. Pembaca memerlukan kemahiran untuk menyebut serta mengulang bacaan sehingga menepati apa yang dikehendaki, seterusnya cuba untuk memahami apa yang dibaca. Keistimewaan yang terdapat pada bentuk bacaan ini ialah pelajar akan memperoleh keyakinan diri apabila berhadapan dengan khalayak ramai, sementara guru akan dapat mengesan mana-mana sebutan pelajar untuk diperbetulkan.

Kesimpulannya bacaan nyaring dapat membantu guru menilai ketelitian dan kelancaran pelajar semasa membaca di samping menimbulkan keseronokkan kepada pelajar yang dapat menggunakan pancaindera mereka dengan baik dan dalam masa yang sama dapat menambahkan perbendaharaan kata serta memahami teks yang dibaca.

2.4.2 Bacaan Senyap (قِرَاءَةُ صَامِتَةً) Qirāah Ṣāmitah

Zakaria Ismail dalam karyanya *Ṭuruq Tadrīs al-Lughat al-A'rabiyyat*, (1991: 115) menjelaskan bahawa teknik bacaan ini mempunyai pelbagai faedah. Antaranya adalah; lebih banyak digunakan di dalam kehidupan berbanding dengan membaca secara kuat.

Membantu mendapat makna dan kefahaman yang tepat dan cepat boleh mengelakkan pembaca merasa jemu, bahkan akan mendatangkan kepuasan dan kegembiraan selain meningkatkan kecenderungan pelajar supaya mempunyai minat terhadap membaca.

Manakala, mengikut Wan Azura et. al (2006: 44) teknik bacaan senyap ini adalah lebih menekankan kepada pemahaman teks tanpa melibatkan suara. Selain itu, teknik ini juga memerlukan daya fokus yang serius dan tinggi. Walaupun teknik ini tidak melibatkan suara dan pergerakan alat artikulasi, tetapi banyak melibatkan perkara lain seperti mata, minda serta konsentrasi anggota badan dalam memahami teks yang dibaca. Ini kerana, ia melibatkan beberapa proses, antaranya ialah mata akan membaca teks dari satu baris ke baris, dalam waktu yang sama otak atau minda pelajar akan memproses apa yang dibaca dan kemudiannya diikuti dengan pergerakan anggota badan seperti jari telunjuk.

Konsentrasi mata dan minda sahaja tidak mencukupi, dan perlu dibantu oleh pergerakan anggota badan, ini adalah bertujuan untuk memastikan keberkesanan dan hasil yang memuaskan. Teknik ini amat bersesuaian bagi proses bacaan secara cepat bagi mendapatkan maklumat penting dalam masa yang singkat. Teknik ini boleh digunakan ke atas setiap jenis bahan bacaan dan di mana sahaja tanpa mengira tempat tidak kira sama ada di dalam kelas, di luar kelas ataupun di tempat-tempat awam.

Abdullah Ali Mustapha (2007: 107) telah membahagikan bacaan secara senyap ini kepada dua bahagian iaitu; bacaan secara cepat (قِرَاءَةٌ خَاطِفَةٌ) *Qirāah Khāṭifah* dan bacaan secara teliti (قِرَاءَةٌ فَاحِصَةٌ) *Qirāah Fāḥiṣah*.

2.4.3 Bacaan cepat (قِرَاءَةٌ خَاطِفَةٌ) Qirāah Khātifah

Bacaan cepat adalah bacaan yang bertujuan untuk mendapatkan ilmu pengetahuan serta keseronokkan ketika membaca. Pembaca tidak perlu membaca seluruh perkataan yang tertulis malah berperanan memantau secara sepintas lalu bahan bacaan yang ada di hadapannya dan dalam masa yang sama pembaca memiliki kemampuan memahami apa yang dipantau. Apa yang jelas tentang sifat bacaan ini ialah kecepatan dan tahap pemahaman yang tinggi yang perlu dimiliki oleh pembaca. Ciri-ciri ini penting bagi pembaca sesuai dengan zaman sekarang yang memerlukan kecekapan dan kemahiran yang tinggi.

Bacaan secara cepat ini bukanlah kemahiran yang sukar untuk dipelajari. Pembaca memerlukan sebanyak mungkin latihan bagi membiasakannya. Pembaca perlu meluaskan jangkauan penglihatannya sekali imbas kepada lima hingga enam baris bacaan daripada penumpuan biasa. Antara lain, pembaca boleh menggunakan kaedah zig-zag sehingga akhir muka surat. Maksud zig-zag ialah perpindahan bacaan pembaca dari perenggan yang lain atau dari langkauan yang berbeza bentuk z yang besar. Banyak lagi bacaan yang dapat dipelajari tanpa meminggirkan pemahaman terhadap apa yang dibaca.

2.4.4 Bacaan teliti (قِرَاءَةٌ فَاحِصَةٌ) Qirāah Fāḥiṣah

Bacaan teliti merupakan bacaan yang digunakan semasa proses pembelajaran. Ianya digunakan untuk menghayati dan memahami apa yang terdapat di dalam teks yang dibaca. Pembaca mengambil kira isi-isi penting dan sampingan serta tujuan penulis

menulis sesuatu teks atau buku. Ketelitian pembaca pada peringkat ini menjadikannya seorang pembaca yang berkesan.

Teknik-teknik bacaan teliti juga adalah berkaitan dengan langkah-langkah seseorang pembaca menghadapi sesuatu buku, teks atau nota peperiksaan.

2.4.4.1 Langkah-langkah bersama buku

Kajian mengenai membaca menegaskan pentingnya mengetahui cara sesebuah buku itu disusun dan faktor-faktor yang bersangkutan dengannya bagi memudahkan kemampuan memahami apa yang dibaca oleh pembaca. Antaranya ialah;

I. Isi kandungan

Perkara pertama yang perlu dilakukan ialah mengkaji isi kandungan sesebuah buku. Dengan ini, pembaca akan mendapat gambaran umum bagi sesebuah buku serta membantunya mencari tajuk-tajuk yang hendak dibaca dengan mudah. Pembaca akan cuba menjawab soalan-soalan berikut semasa membaca isi kandungan ini.

- Apakah bahagian utama di dalam buku ini?
- Apakah gaya penyusunan yang digunakan penulis?
- Apakah alat bantuan yang digunakan oleh penulis?
- Setakat manakah panjangnya bagi bab contoh dalam buku?
- Apakah cara-cara lain penyusunan dalam setiap bab?
- Adakah penting membaca bab secara teratur?

Pendahuluan bagi sesebuah buku biasanya ditulis sendiri oleh penulis merangkumi maklumat-maklumat yang ada di dalam buku secara umum. Maklumat-maklumat ini

biasanya termasuklah kepada siapakah buku ini ditulis, tajuk-tajuk yang dipilih, teori-teori yang diguna penulis, perubahan dan tambahan dari keluaran sebelumnya serta panduan penulis kepada pembaca dan ucapan terima kasih penulis kepada mereka yang membantunya menerbitkan buku.

II. Meneliti bab

Pembaca mestilah memilih bab yang hendak dibaca. Seterusnya meneliti dengan cepat kandungan bab tersebut serta memerhatikan isi-isi yang terkandung, topik dan subtopik yang diketengahkan beserta kesimpulan tau rumusan di akhir bab.

III. Membaca Lampiran

Kebiasaannya lampiran terdiri daripada bibliografi, senarai istilah serta rujukan buku-buku yang digunakan oleh penulis. Pembaca akan mendapat banyak banyak faedah yang banyak ketika membaca bahagian lampiran ini.

2.4.4.2 Langkah-langkah bersama teks

Menurut Abdullah Ali Mustapha (2007: 115), langkah-langkah permulaan yang bersistem dapat membantu memendekkan masa pelajar ketika membaca sesebuah teks. Akan tetapi ramai kalangan pembaca terutamanya pelajar mengadu tentang tahap kelupaan yang tinggi daripada apa yang mereka baca dan fahami pada hari berikutnya.

Bagi mengatasi masalah ini, pada tahun 1941 seorang ahli psikologi, Francis P. Robinson telah memperkenalkan satu teknik membaca yang dinamakan *SQ3R*. Sistem ini telah diuji dan sangat berkesan. Ianya berasaskan prinsip-prinsip yang terdapat dalam teori

pembelajaran (Kamaruddin, 1998). Lynn Quitman (1978) menyatakan: “*Bacaan serius anda akan bertambah baik jika anda menggunakan rumusan SQ3R* ”.

SQ3R ialah akronim bagi *survey* (tinjauan), *question* (soalan), *read* (membaca), *review* (meninjau semula) dan *recite* (menyatakan kembali). Sebelum seseorang menggunakan sistem ini, perlulah difahami secara mendalam setiap peringkat agar teknik ini dapat digunakan dengan berkesan terutamanya ketika membaca dan memahami teks berbahasa Arab. Jenis bacaan ini juga merupakan aspek yang dikaji dalam kajian ini, dimana ia lebih cenderung kepada kognitif.

2.5 Membaca dari sudut pandangan Psikolinguistik kognitif

Pengetahuan psikolinguistik kognitif yang menekankan peranan otak dalam proses pembelajaran telah memberi banyak maklumat tentang pemerolehan bahasa seseorang. Menurut penemuan psikolinguistik kognitif pemerolehan bahasa dan keupayaan membaca seseorang bermula sejak dilahirkan. Setelah dilahirkan, ia terus berusaha mempelajari dunia ini melalui pancaindera. Dengan kata lain, berbahasa dan membaca tidak mungkin berlaku tanpa pengetahuan tentang dunia.

Membaca menurut fahaman psikolinguistik kognitif melibatkan banyak faktor, seperti lambang bertulis, penglihatan, ingatan jangka pendek, bahasa dan tatabahasa, makna, pengetahuan dunia dan lain-lain. Ini jelas membuktikan pembaca harus dapat memberikan makna daripada teks dengan bantuan yang minimum daripada saran yang didapati daripada lambang-lambang bertulis dalam teks tanpa membunyikan satu persatu (Kamaruddin, 1998).


2.6 Metakognitif Dan Pembelajaran

Dalam Jones, Palincsar, Ogle & Carr (1987) merumuskan bahawa pembelajaran mempunyai sifat-sifat seperti berikut:-



Rajah 2.2: Sifat-sifat Pembelajaran

Rajah 2.2 diatas menunjukkan sifat-sifat pembelajaran, antara ciri-ciri pembelajaran yang berstrategi ialah kesedaran individu terhadap proses kognitifnya (strategi kognitif) dan kebolehan mengesan dan mengawal prose-proses tersebut (strategi metakognitif). Menurut Flavell (1981) pula, strategi pembelajaran adalah merupakan ikatan hubungan antara matlamat kognitif dengan pengetahuan metakognitif.



Rajah 2.3: Ikatan Strategi-strategi Pembelajaran

Rajah 2.3 menunjukkan gambaran ikatan hubungan antara pelbagai aspek kognitif dan metakognitif, gambaran ini sangat berkait rapat dengan strategi membaca, lebih-lebih lagi strategi membaca teks bahasa kedua atau bahasa asing.

2.7 Metakognitif Dan Pemahaman Membaca

Klein, et al. (dalam Farida Rahim, 2005: 3) mendefinisikan membaca sebagai suatu proses, maksudnya adalah informasi dari teks dan pengetahuan yang dimiliki oleh pembaca mempunyai peranan yang utama dalam membentuk makna. Dalam pembinaan makna, kesedaran dan pengendalian pembaca terhadap proses pemahaman adalah sangat penting, dimana kedua prinsip penting (kesedaran dan pengendalian) dalam aspek pemahaman membaca ini dipanggil metakognitif.

Kesedaran metakognitif atau metakognisi sering didefinisikan sebagai “kognisi tentang kognisi” (Flavell, 1979, 1987) dalam bidang psikologi kognitif dalam teori pembelajaran. Digunakan untuk merujuk kepada pemahaman daripada seseorang

mengawal proses kognitif dalam diri seseorang (Flavell, Miller, & Miller, 1993; Carrell, 1998; Hartman, 2001; Veenman, Van Hout-Wolters, Afflerbach, 2006; Hudson, 2007).

Menurut Flavell (1979), kesedaran metakognitif terdiri daripada kedua-dua pengetahuan metakognitif dan pengawalselian. Pengetahuan metakognitif adalah pengetahuan seseorang berkenaan dengan proses kognitif berhubung kepada tiga pembolehubah mengenai diri sendiri atau orang lain. Kepercayaan mengenai penggunaan strategi bagi memudahkan pembelajaran (Hadwin et al, 2001).

Manakala pengetahuan metakognitif adalah fokus kepada kesedaran, peraturan metakognitif adalah peraturan semula jadi, bekerja berdasarkan pengetahuan metakognitif dan merujuk kepada pengurusan proses kognitif seseorang bagi memastikan matlamat pembelajaran dapat direalisasikan. Pengurusan ini melibatkan merancang, memantau, menilai, dan memanipulasi proses kognitif untuk menghasilkan input pembelajaran yang optimum (Flavell, 1979, 1987; Paris, 2002; Veenman et al., 2006).

Diterapkan kepada aktiviti membaca, kesedaran metakognitif termasuk kesedaran pembaca mengenai proses bacaan strategik dan penggunaan strategi membaca bagi memaksimumkan pemahaman teks (Carrell et al., 1998; Shoerey & Mokhtari, 2001; Zhang, 2001). Oleh itu, pembaca dengan kesedaran metakognitif yang tinggi dapat menggambarkan dan mentafsirkan bacaan berdasarkan keperluan konteks. Mereka memilih strategi membaca berdasarkan tujuan bacaan, keperluan, dan gaya kognitif mereka sendiri. Mereka memantau proses pemahaman, menilai kesan strategi yang dipilih, dan menyesuaikan strategi apabila diperlukan (Paris, Lipson & Wixson, 1994; Pressley & Afflerbach, 1995; Cohen, 1998; Hudson, 2007; Zhang, 2008).

Membaca pemahaman pula adalah suatu proses untuk mengidentifikasi atau mengenali teks, kemudian mengingat kembali isi teks. Membaca pemahaman dapat didefinisikan juga sebagai suatu kegiatan membuat urutan tentang mengorganisasikan isi teks sekali gus dapat mengenal pasti apa yang tersurat dan yang tersirat dalam teks. Pemahaman berhubungan dengan kecepatan. Perkataan “pemahaman” itu sendiri pula memberi maksud kemampuan membaca untuk memahami apa yang dibaca, seperti idea utama dalam teks.

2.8 Latar belakang bahasa Arab sebagai bahasa kedua/ bahasa Asing di Malaysia

Menurut kamus *al-Mu'jam al-Wasit*, perkataan bahasa atau di dalam bahasa Arabnya disebut '*al-Lughah*' membawa maksud “Suara-suara atau sebutan-sebutan yang diungkapkan oleh sesuatu kaum (golongan) bagi menyatakan hasrat dan tujuan mereka (*al-Mu'jam al-Wasit*; 831). Bahasa juga boleh diertikan sebagai suara-suara yang berpaksikan perkataan-perkataan yang diungkapkan oleh sesuatu untuk menyatakan tujuan-tujuan mereka yang disampaikan sama ada melalui lisan ataupun melalui simbol-simbol penulisan.

Manakala Emil Badi' Ya'qub dalam karyanya '*Fiqh al-Lughah al-A'rabiyyah wa Khaṣāisuha*' menyatakan bahasa adalah fenomena psikologi masyarakat dan pengetahuan yang diperolehi melalui ujian dan pengalaman yang membawa kepada hasil-hasil dan makna-makna yang berada dalam fikiran. Seterusnya sistem suara atau bunyi bahasa itu, masyarakat dapat memahami dan bertindak positif di antara satu sama lain (Emil Badi' Ya'qub, 1986: 13).

Daripada pandangan-pandangan mengenai definisi bahasa ini, dapatlah disimpulkan bahawa bahasa adalah “Sistem lambang bunyi suara yang digunakan sebagai alat perhubungan sesama manusia”.

Bahasa Arab telah tersebar di Malaysia seiring dengan penyebaran agama Islam. Setiap muslim tentunya menggunakan bahasa Arab sekurang-kurangnya dalam ibadat harian. Pertalian rapat antara bahasa Arab dengan agama Islam disertai oleh kewujudan al-Quran al-Karīm, ini adalah faktor utama yang menyebabkan bahasa ini tersebar dengan begitu mudah di seluruh pelosok dunia, begitu juga di Malaysia.

Isu pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di Malaysia secara umumnya mempunyai skop perbincangan yang cukup luas. Dalam kajian ini skop yang dikaji adalah bahasa Arab sebagai bahasa kedua atau bahasa Asing, aspek yang dikaji adalah strategi membaca teks bahasa Arab. Apabila membicarakan mengenai bahasa Arab di Malaysia pada masa kini, aspek yang tidak dapat dinafikan kepentingannya adalah pendidikan. Perkembangan sistem pendidikan yang pesat di Malaysia pada masa kini menggambarkan betapa semua pihak termasuk kerajaan, masyarakat dan pihak swasta amat mengambil berat tentang perkembangan ilmu pengetahuan.

Tidak terkecuali dalam mengalami perkembangan positif ini ialah pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab. Pada zaman dahulu pengajaran bahasa Arab di Malaysia bersifat tidak formal yang diajarkan di pondok atau madrasah. Pengajaran bahasa Arab ini berterusan dan berkembang dari semasa ke semasa hingga ke hari ini melalui sistem persekolahan yang lebih teratur dan sistematik.

Walau bagaimanapun, sistem pondok ini masih terdapat di sesetengah tempat khususnya di negeri Kelantan dan Kedah tetapi dengan mengalami beberapa perubahan ke

arah kemodenan sama ada dari segi sistem pengajian, sukatan pelajaran yang khusus, kemudahan infrastruktur dan banyak lagi. Pada masa kini bilangan sekolah-sekolah pondok di Malaysia semakin berkurangan dan sebahagian besarnya telah berubah dari segi sistem pengajaran dan pentadbiran.

2.9 Latar belakang bahasa Arab di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

Pendidikan bahasa Arab di peringkat institusi pengajian tinggi di Malaysia boleh dilihat seiring dengan pendidikan Islam di sesebuah institusi. Pada peringkat permulaan, tujuan pendidikan tidak banyak berubah dengan tujuan pendidikannya di peringkat sekolah-sekolah agama yang lebih fokus kepada tujuan memahami ilmu-ilmu agama. Pendidikan bahasa Arab menjadi subjek asas dalam pengajian Islam. Pendidikannya lebih menjurus kepada kefahaman teks. Di peringkat ini pendidikannya tidak boleh dipisahkan dengan pendidikan Islam.

Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) merupakan salah sebuah institusi pengajian tinggi yang mengangkat bahasa Arab sebagai subjek dan kursus yang wajib dipelajari oleh pelajarannya. Pendidikan bahasa Arab menjadi fokus utama kerajaan dengan tertubuhnya Universiti Sains Islam Malaysia yang dahulunya dikenali sebagai Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM). Bahasa Arab merupakan kursus yang wajib diambil oleh semua pelajar USIM tanpa mengira fakulti, subjek-subjek pengajian Islam juga ditawarkan dalam bahasa Arab. USIM juga turut memartabatkan bahasa Arab sebagai bahasa pengantar disamping bahasa Inggeris. Terdapat lima kemahiran bahasa Arab yang ditawarkan kepada pelajarannya iaitu kemahiran menulis, kemahiran mendengar, kemahiran bertutur, kemahiran berkomunikasi dan kemahiran membaca yang menjadi fokus kajian ini. Kemahiran-kemahiran ini dapat membantu pelajar menguasai bahasa Arab dengan baik.

Penekanan kepada pendidikan bahasa Arab komunikasi sangat jelas dengan tertubuhnya Fakulti Pengajian Bahasa Utama (FPBU) yang menawarkan program bahasa Arab dan komunikasi sebagai program sulungnya. Tujuan penubuhannya adalah untuk melebarkan lagi ruang lingkup bahasa Arab supaya sesuai dengan perkembangan bidang profesional. Ia menggabungkan dua pengkhususan yang terdiri daripada teras bahasa Arab dan teras komunikasi. Bahasa pengantar bagi teras bahasa Arab adalah bahasa Arab, manakala bahasa pengantar teras komunikasi pula adalah bahasa Inggeris. Dalam teras bahasa Arab, kursus-kursusnya dibahagikan kepada komponen bahasa, linguistik, dan sastera. Penekanan pengajaran di FPBU ini juga diberikan kepada sudut amali atau praktikal, dimana ia jelas dapat dilihat dari penggunaan nama kursusnya seperti *Naḥwu Taḥqīqī*, *Ṣarf Taḥqīqī*, *Taḥqīqāt Balaghīyah* dan *Tazawwuq Adabī*. Selain itu ia dibuktikan juga melalui aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang menekankan pengajaran berpusatkan kepada pelajar.

Fokus utama program ini adalah kemahiran bahasa komunikasi semasa seperti pelancongan, perdagangan, diplomasi, penyiaran, dan kewartawanan. Program ini memberi nafas baru kepada perkembangan pendidikan bahasa Arab di Malaysia yang lebih menjurus kepada kemahiran penguasaan bahasa Arab dalam bidang-bidang semasa dan komersial.

2.10 Penutup

Kesimpulan daripada perbincangan bab ini ialah; penulis membahagikan kepada empat bahagian; pertama definisi mengenai tajuk kajian dibincangkan secara mendalam. Bahagian kedua pandangan sarjana Islam serta teori barat mengenai membaca dan

prosesnya. Bahagian ketiga jenis-jenis bacaan, dijelaskan dan diperbincangkan secara terperinci. Bahagian terakhir, diakhiri perbincangan bab ini dengan menceritakan latar belakang bahasa Arab di Malaysia, dan seterusnya latar belakang bahasa Arab di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).